

Sanko Sangyo menyediakan pelbagai perkhidmatan professional dan perunding yang kos efektif didalam bidang pertanian, kawalan pencemaran alam sekitar, kesihatan dan pelbagai bidang sains. Frasa pemikat Saion EM Technology adalah "masyarakat mampan berdasarkan kepada kehidupan dan kemakmuran bersama, informasi berkualiti, keselamatan, kemudahan dan kos rendah kualiti tinggi".

Sanko Sangyo adalah syarikat induk di Okinawa, Jepun yang memperkenalkan dan melancarkan penyelidikan dan perniagaan EM Technology 30 tahun yang lepas. Pada masa itu, teknologi ini belum diberi nama EM Technology. Prof. Teruo Higa daripada Universiti Ryukyus menyertai kami untuk membangunkan produk EM didalam tahun lapan puluhan. Semenjak itu, Sanko Sanyo bertekad untuk menghasilkan produk EM yang selamat dan berkualiti tinggi kepada pelanggan kami demi menyumbang dan melindungi manusia dan kesihatan alam sekitar.

EM bermakna "effective microorganisms". EM adalah gabungan pelbagai jenis mikro-organisma manfaat yang semulajadi yang biasanya digunakan atau dijumpai didalam makanan. EM mengandungi organisma manfaat daripada 3 genus utama : bakteria fotosintetik, bakteria asid laktik dan yis. Mikro-organisma manfaat ini merembes bahan-bahan bermanfaat seperti vitamin, asid organik, rumusan zat galian dan anti oksidan apabila bertemu dengan bahan-bahan organik. Teknologi EM boleh memperbaiki tanah kontang, merawat pencemaran air, merawat sisa buangan industri dan perbandaran dan boleh mengasikkan makanan yang sihat dan organik. Ia boleh menghilangkan bau didalam dan diluar kandang tenusu, khinzir dan unggas. Ia juga boleh merawat sisa buangan berbahaya dan kolam kumbahan.

